

Headline	Harga harumanis masih kekal		
MediaTitle	Sinar Harian (Utara)		
Date	14 Jun 2017	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	160,000
Page No	37	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	318 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,228
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,683



# Harga harumanis masih kekal

KANGAR - Jabatan Pertanian Perlis mengesahkan harga harum manis masih kukuh sekitar RM20 hingga lebih RM30 sekilogram bergantung kepada kualiti buah tersebut.

Pengarahnya, Zulkifli Amin Mat Jusoh berkata, kejatuhan harga harumanis itu bergantung kepada faktor penawaran dan permintaan daripada pengguna.

"Pada minggu lepas pengeluaran harumanis di Perlis memuncak menyebabkan orang yang tidak menjaga kualiti ini menurunkan harga, walhal hakikatnya harga di luar Perlis masih bertahan.

"Ingin saya jelaskan bahawa isu lambakan harumanis tidak berlaku sebenarnya, buah di luar negeri ini masih kompetitif cuma pada tahun ini pertama kali harumanis mengeluarkan hasil da-

**INFO** • Harga RM30 sekilogram

lam bulan puasa," katanya, semalam.

Menurutnya, persediaan di kalangan pengusaha untuk membawa harumanis ke pasaran luar Perlis tidak ditikberatkan dan musim cuti sekolah dalam bulan puasa kebanyakan rakyat mengambil langkah berjimat untuk membuat persiapan menyambut Aidilfitri tidak lama lagi.

"Permintaan terhadap harumanis ini masih laris seperti biasa, kalau tak laris atau tak laku sudah pasti buah di jabatan ini tidak laku dan menjadi lambakan," katanya.

Mengulas mengenai



Zulkifli (kanan) bersama Ketua Pengarah Pertanian, Datuk Ahmad Zakaria Mohamad Sidek (kiri) ketika melakukan lawatan kerja ke Perlis, baru-baru ini.

cadangan pengusaha harumanis supaya diwujudkan pasar harumanis di seluruh negara, beliau menyifatkan cadangan itu hanya wujud sepanjang Ramadan sahaja.

"Tetapi kalau bukan bu-

lan puasa, ramai pengunjung akan datang ke Perlis dan pengusaha ini boleh jual sendiri buah masing-masing.

"Kita buat pusat untuk eksport harumanis pun hanya tinggal kenangan apa-

bila harga harumanis naik mendadak dan syarikat tidak mampu membeli dari Perlis kerana tidak mampu bersaing dengan mangga lain yang jauh lebih murah," katanya.

Tambahnya, sekiranya harga harumanis boleh melonjak lebih tinggi sepatutnya Perlis sudah ada jalan rintisan untuk dieksporth ke negara-negara luar.

"Insya-ALLAH kita buat perlahan-lahan, tetapi sepatutnya Fama gunalah Agrobazar yang ada di luar negara itu untuk pasarkan harumanis apabila harganya dikatakan rendah.

"Selain itu, media juga memainkan peranan apabila harga harumanis boleh jadi haru-biru, tetapi pekebun-pekebun yang sudah ada jaringan pasaran tidak akan terjejas," katanya.

Beliau juga tidak menolak kemungkinan buah yang dijual pada harga murah adalah disebabkan dikutip pada usia yang tidak cukup matang.

Sementara itu pihaknya kesal dengan tindakan seorang pengusaha mangga harumanis di negeri ini yang membakar sejumlah besar buah berkenaan kerana dikatakan telah rosak kesan lambakan akibat kurang permintaan.

Zulkifli berkata tindakan tersebut amat tidak wajar memandangkan banyak alternatif bagi mengatasi lambakan buah harumanis seperti diproses menjadi jus atau minuman kordial.

"Oleh kerana kerana permintaan kurang dan berlaku lambakan pengeluaran, orang Perlis terpaksa bakar Harumanis?... Itu salah sama sekali," katanya.